

## UMS-KAL mahu tawar bidang sosioekonomi

Oleh Azri Onn

BERSEKUTUAN keistimewaan persekitaran dan potensi ekonomi Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berhasrat menawarkan pengkhususan dalam bidang yang mempunyai hubungan langsung dengan sosioekonomi dan politik tempatan serta negara di rantau ini.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Zainal Abidin Said, berkata lokasi geografi Labuan membolehkan ia mudah dirangkaikan dengan infrastruktur kewangan serta perniagaan antarabangsa sedia ada, sekali gus menjadikan pulau itu pusat kewangan antarabangsa semula jadi.

Katanya, Labuan juga menjadi tarikan komuniti kewangan antarabangsa kerana keistimewaan rejim percukaian rendah, perjanjian cukai dua hala antara Malaysia dan gugusan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina serta kini kewujudan institusi kewangan luar pesisir.

Beliau berkata, universiti itu juga berciri guna merangkumi kemahiran berkomunikasi, mengurus dan menganalisa bersifat global menarik pelajar antarabangsa khu-

susnya dari Asia, Afrika dan Timur Tengah.

"Hala tuju program akademik universiti ini ialah untuk mewujudkan sebuah pusat pengajian tinggi bersifat global yang melambangkan Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa serta berteraskan kecemerlangan ke arah pembangunan masyarakat dan negara," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Katanya, UMS-KAL juga akan meneruskan jalinan kerjasama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), termasuk menjalankan aktiviti usaha sama dalam bidang pengajaran sesuai dengan kedudukan lembaga itu yang mewakili institusi kewangan dan perbankan antarabangsa di pulau itu.

Antaranya termasuk pengambilan staf lembaga itu sebagai pensyarah sambil, memberi anugerah kepada pelajar terbaik dan menerbitkan makalah kewangan antarabangsa 'Labuan Buletin International Business and Finance' yang mengandungi artikel ilmiah daripada industri LOFSA.

Selain itu, LOFSA menawarkan tempat untuk pelajar UMS-KAL membuat praktikum di institusi kewangan dan perbankan serta menganjurkan bersama seminar berkaitan bidang berkenaan.